

TELEKOM

1984

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) - PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM YANG DIJADUAL TAHUN DEPAN TIDAK AKAN MERUGIKAN KAKITANGANNYA SEKARANG.

JAMINAN TERSEBUT DIBERIKAN KEPADA KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MITSU) SEBAGAI JAWAPAN KEPADA MEMORANDUM YANG DIHANTAR OLEH KESATUAN ITU KEPADA BELIAU MENGENAI CADANGAN MENJADIKAN JABATAN ITU SEBUAH PERBADANAN.

DALAM SURATNYA PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MENGAJIISI KANDUNGAN MEMORANDUM TERSEBUT DAN SYARAT-SYARAT YANG DICADANGKAN.

+WALAUPUN SAYA TIDAK DAPAT MEMBERI KEPUTUSAN SEKARANG TETAPI JANJI YANG TELAH SAYA SUAT BAHAWA PENSWASTAAN TIDAK AKAN MERUGIKAN KAKITANGAN AKAN DIPEGANG DENGAN IKHLAS OLEH KERAJAAN, + KATA BELIAU. KESATUAN TERSEBUT MENGEMUKAKAN 11 CADANGAN UNTUK PERHATIAN PERSENDIRIAN PERDANA MENTERI MEMANDANGKAN KAKITANGAN YANG TERLIBAT + MERASAKHUATIR MENGENAI KESELAMATAN DALAM PEKERJAAN DAN PROSPEK MASA DEPAN. +

ANTARA CADANGAN-CADANGAN ITU JALAH SUPAYA SEMUA KAKITANGAN YANG TELAH DIMASUKKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN DAN MEMILIH UNTUK KEKAL DALAM PERKHIDMATAN ITU HENDAKLAH TERUS MENGEKALKAN KELAYAKAN PENCEN, GANJARAN DAN PENCEN KELUARGA. -LAGI.

1311MST 42 09 84

0059

R0303 DEB

TELEKOM 2 KUALA LUMPUR

MEREKA JUGA HENDAKLAH TERUS BERKELAYAKAN MENERIMA TANGGAGAJI SEBAGAIMANA DALAM KERAJAAN DAN SYARAT-SYARAT LAIN TERMASUK PINJAHAN PERUMAHAN, FLN JAMAN MEMBELI KENDERAAN DAN KEMUDAHAN PERUBATAN SERTA BERKELAYAKAN MENERIMA PINDAAN GAJI DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN YANG DIBUAT KELAK.

MEMORANDUM ITU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA KAKITANGAN YANG BELUM DIMASUKKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN DIBERI PILIHAN SAMA ADA UNTUK MEMASUKI PERJAWATAN ITU ATAU MENERIMA SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN YANG AKAN DITAWARKAN OLEH PERBADANAN ITU NANTI.

KESATUAN ITU MENCADANGKAN AGAR SEMUA KAKITANGAN DIBERIKAN TEMPORARI ATAU DUA TAHUN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN PILIHAN Masing-masing. BERNAMA.